

**PEMBANGUNAN MODEL PEMIKIRAN KRITIS
REMAJA MUSLIM UNTUK KURIKULUM
PENDIDIKAN ISLAM**

RIZAMAN BIN YAHYA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**PEMBANGUNAN MODEL PEMIKIRAN KRITIS
REMAJA MUSLIM UNTUK KURIKULUM
PENDIDIKAN ISLAM**

oleh

RIZAMAN BIN YAHYA

**Tesis yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2021

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya akhirnya dapat saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para keluarga, para sahabat dan sekalian kaum Muslimin dan Muslimat. Alhamdulillah, perancangan Allah merupakan sebaik-baik perancangan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid, selaku penyelia atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan dalam membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan buat Dr Muhammad Zuhair Zainal selaku penyelia kedua yang tidak kenal erti penat lelah dalam membimbing bagi menggapaikan hasrat yang diimpikan selama ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan kedua-dua insan ini telah banyak mengajar erti dalam proses untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang berwibawa. Begitu juga kepada Dekan, Timbalan Dekan, barisan pensyarah dan staf Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang tempoh pengajian ini. Penghargaan juga buat semua pihak yang terlibat di Institut Pengajian Siswazah dan juga staf perpustakaan USM. Segala pengalaman berharga yang dilalui ini pasti tidak dapat dilupakan buat selamanya.

Selain itu, tidak dilupakan setinggi-tinggi ucapan penghargaan buat Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menganugerahkan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan kepada saya bagi melanjutkan pelajaran di peringkat ini. Begitu juga kepada seluruh staf Bahagian Tajaan kerana telah memberikan kerjasama yang amat memuaskan sepanjang tempoh berurusan.

Tidak lupa dititipkan, jutaan terima kasih buat ayahanda bonda, Hj. Yahya Awang dan Hjh. Dzaharah Saad atas iringan doa yang telah dipanjatkan sepanjang hayat kalian buat bekalan anakmu yang dapat dirasakan sehingga kini, walaupun hakikatnya kalian telah lama pergi meninggalkan anakanda, berkat belaian kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup begitu dirasai hingga saat ini. Seterusnya tiada ungkapan yang mampu diungkapkan bagi menterjemahkan perasaan ini buat isteri tersayang, Nik Zailana Mohamad yang sentiasa menjadi tulang belakang buat saya selama ini meskipun dalam apa jua situasi susah senang, rintangan dan cabaran, anda tetap berada di takhta yang teratas. Begitu juga buat permata hati, Mohd Syafiq Azfar, Nur Izzatul Ain dan Nur Alya Nabila atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi dan doa kalian sehingga pengajian ini dapat disempurnakan sehingga noktah yang terakhir. Sesungguhnya segala pengorbanan yang kalian telah korbakan selama ini amat disanjung dan akan diingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan, bekas rakan-rakan sekerja warga IPG Kampus Tuanku Bainun, para cendekiawan, para responden, keluarga serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan idea, sokongan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Jasa kalian tetap akan dikenang sepanjang hayat. Apa yang diharapkan semoga penyelidikan ini dapat dijadikan katalis dan wadah ilmu yang berguna buat tatapan generasi intelegensia akan datang.

RIZAMAN BIN YAHYA

MAC 2021

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	17
1.4.1 Objektif Fasa Pertama	17
1.4.2 Objektif Fasa Kedua	18
1.4.3 Objektif Fasa Ketiga.....	18
1.5 Persoalan Kajian	18
1.5.1 Fasa I : Analisis Keperluan	18
1.5.2 Fasa II : Reka Bentuk Model Dan Pembangunan	19
1.5.3 Fasa III : Penilaian.....	19
1.6 Kepentingan Kajian	20
1.7 Batasan Kajian	23
1.8 Definisi Operasional	24
1.8.1 Model.....	24
1.8.2 Pemikiran Kritis	25

1.8.3	Remaja Muslim	26
1.8.4	Kurikulum Pendidikan Islam	27
1.9	Kesimpulan.....	27
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR.....	28
2.1	Pengenalan.....	28
2.2	Akal Dan Pemikiran Menurut Perspektif Islam	28
2.3	Definisi Pemikiran Kritis	31
2.4	Konsep Pemikiran Kritis.....	35
2.5	Analisis Konsep Pemikiran Kritis	41
2.6	Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Islam	45
2.7	Kurikulum Pendidikan Islam.....	54
2.8	Pemikiran Kritis Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam.....	60
2.9	Model-Model Pemikiran	63
2.10	Instrumen Pemikiran Kritis	71
2.11	Kerangka Teori Kajian.....	74
2.11.1	Model Kurikulum Tyler (1949)	75
2.11.2	Pandangan Pemikiran Ibnu Khaldun (1332-1406).....	78
2.11.3	Pandangan Pembangunan Modal Insan Imam Al-Ghazali (1058-1111).....	82
2.12	Kerangka Konseptual Kajian.....	84
2.13	Kajian Dalam Negara.....	87
2.14	Kajian Luar Negara.....	93
2.15	Analisis Kajian Terdahulu.....	103
2.16	Kesimpulan.....	105
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	106
3.1	Pengenalan.....	106
3.2	Latar Belakang.....	106
3.3	Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan	108

3.4	Kebaikan Pendekatan Reka Bentuk Dan Pembangunan.....	113
3.5	Reka Bentuk Kajian	114
3.6	Kerangka Metodologi Kajian	116
3.7	Fasa Pertama : Analisis Keperluan	116
3.7.1	Instrumen	120
3.7.2	Sampel	125
3.7.3	Prosedur	134
3.7.4	Pengumpulan Data	134
3.7.5	Kajian Rintis	135
3.7.6	Etika Penyelidikan.....	138
3.8	Fasa Kedua : Reka Bentuk Dan Pembangunan	140
3.8.1	Fasa II (A) : Temu Bual Pakar	142
3.8.1(a)	Instrumen.....	142
3.8.1(b)	Responden	144
3.8.1(c)	Prosedur.....	144
3.8.1(d)	Pengumpulan Data	146
3.8.2	Fasa II (B) : <i>Interpretive Structural Modeling</i> (ISM)	146
3.8.2(a)	Instrumen.....	146
3.8.2(b)	Responden	148
3.8.2(c)	Prosedur.....	149
3.8.2(d)	Pengumpulan Data	152
3.9	Fasa Ketiga : Penilaian.....	153
3.9.1	Instrumen	157
3.9.2	Responden.....	159
3.9.3	Prosedur	161
3.9.4	Pengumpulan Data	164
3.10	Kesimpulan.....	165

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	166
4.1	Pendahuluan	166
4.2	Dapatan Fasa I : Analisis Keperluan.....	166
4.2.1	Pengenalan	166
4.2.2	Dapatan Fasa Analisis Keperluan	167
4.2.2(a)	Analisis Data Keperluan Pembangunan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam.....	175
4.2.2(b)	Analisis Keperluan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim Pada Masa Depan Menurut Pandangan Pengguna.	184
4.2.3	Kesimpulan	187
4.3	Dapatan Fasa II : Reka Bentuk Dan Pembangunan.....	188
4.3.1	Pengenalan	188
4.3.2	Dapatan Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan.....	188
4.3.3	Analisis Fasa II (A) Temu Bual	190
4.3.4	Analisis Fasa II (B) <i>Interpretive Structural Modeling</i> (ISM)	205
4.3.5	Kesimpulan	246
4.4	Dapatan Fasa III : Penilaian	247
4.4.1	Pengenalan	247
4.4.2	Dapatan Kajian Fasa III : Penilaian.....	247
4.4.3	Soal Selidik Fasa Penilaian.....	248
4.4.3(a)	Dapatan A : Maklumat Demografi Pakar.....	251
4.4.3(b)	Dapatan B : Kesepakatan Pakar Kesesuaian Turutan Elemen-Elemen Pemikiran Kritis Remaja Muslim.....	261
4.4.3(c)	Dapatan C : Kesepakatan Pakar Taksonomi Pemikiran Kritis Remaja Muslim	269
4.4.3(d)	Dapatan D : Kesepakatan Pakar Penilaian Model	272

4.4.4	Kesimpulan	275
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN.....	276
5.1	Pengenalan.....	276
5.2	Perbincangan Ringkasan Kajian.....	276
5.2.1	Perbincangan Dapatan Fasa 1 : Analisis Keperluan.....	278
5.2.2	Perbincangan Dapatan Fasa II : Reka Bentuk Dan Pembangunan.....	285
5.2.3	Perbincangan Dapatan Fasa III : Penilaian.....	295
5.3	Implikasi Kajian	297
5.3.1	Implikasi Ilmu.....	298
5.3.2	Implikasi Teori.....	300
5.3.3	Implikasi Metodologi	301
5.3.4	Implikasi Amalan.....	302
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan.....	304
5.5	Penutup Dan Rumusan.....	305
	RUJUKAN.....	308
	LAMPIRAN	
	PEMBENTANGAN, PENERBITAN DAN PERTANDINGAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Konsep Pemikiran Kritis Merangkumi Elemen.....38
Jadual 2.2	Jadual Analisis Konsep Pemikiran Kritis.....41
Jadual 2.3	Model CoRT Edward De Bono (Bono, 1985).....73
Jadual 3.1	Perbandingan Jenis Kajian Reka Bentuk Dan Pembangunan (Richey, Klien & Nelson, 2004)110
Jadual 3.2	Perincian Kajian.....115
Jadual 3.3	Kaedah Fasa Analisis Keperluan117
Jadual 3.4	Skala Likert.....121
Jadual 3.5	Perincian Soal Selidik121
Jadual 3.6	Perincian Bahagian.....122
Jadual 3.7	Skala Penilaian Kebolegunaan Item (SPKI).....124
Jadual 3.8	Responden Kajian Fasa Analisis Keperluan.....126
Jadual 3.9	Penentuan Bilangan Sampel Dan Sekolah Mengikut Negeri129
Jadual 3.10	Pensampelan Rawak Mengikut Negeri130
Jadual 3.11	Maklumat Bidang Kepakaran137
Jadual 3.12	Interpretasi Min Persetujuan Analisis Keperluan137
Jadual 3.13	Ringkasan Alpha Cronbach Kajian Rintis Analisis Keperluan.....138
Jadual 3.14	Kaedah Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan.....141
Jadual 3.15	Kaedah Fasa Penilaian.....154
Jadual 4.1	Jadual Interpretasi Min.....168
Jadual 4.2	Jantina Responden Kajian169
Jadual 4.3	Umur Responden Kajian169
Jadual 4.4	Kelulusan Akademik Tertinggi Responden Kajian170
Jadual 4.5	Bidang Responden Kajian171

Jadual 4.6	Jawatan Responden Kajian	172
Jadual 4.7	Pengalaman Responden Kajian	173
Jadual 4.8	Kategori Sekolah Menengah.....	174
Jadual 4.9	Data Keseluruhan Konstruk.....	176
Jadual 4.10	Konstruk 1 : Pandangan Terhadap Sistem Pendidikan Sedia Ada secara Keseluruhan Dalam Menjana Kemahiran Pemikiran Kritis.....	177
Jadual 4.11	Konstruk 2 : Pandangan Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Secara Keseluruhan Menurut Konteks Kemahiran Pemikiran Kritis.	178
Jadual 4.12	Konstruk 3 : Pandangan Terhadap Keperluan Menimba Ilmu Melalui Alternatif Berikut Merujuk Kemahiran Pemikiran Kritis.....	179
Jadual 4.13	Konstruk 4 : Penerapan Kemahiran Pemikiran Kritis Dalam Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia Bersesuaian Dengan Keperluan.....	181
Jadual 4.14	Konstruk 5 : Cara Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Kritis Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam.....	182
Jadual 4.15	Konstruk 6 : Kebolehan Yang Perlu Dimiliki Oleh Remaja Muslim.....	183
Jadual 4.16	Konstruk 7 : Keupayaan Yang Seharusnya Dimiliki Oleh Remaja Muslim Selepas Menamatkan Persekolahan Merujuk Kemahiran Pemikiran Kritis.	184
Jadual 4.17	Perincian Model Dan Teori	190
Jadual 4.18	Maklumat Pakar	193
Jadual 4.19	Elemen-Elemen Pemikiran Kritis Remaja Muslim.....	204
Jadual 4.20	Senarai Pakar Responden Interpretive Structural Modeling (ISM)	207
Jadual 4.21	Dapatan Data <i>Nominal Group Technique (NGT)</i>	216
Jadual 4.22	Huraian Elemen Pemikiran Kritis Remaja Muslim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam	221
Jadual 4.23	Pengelasan Taksonomi	230
Jadual 4.24	<i>Reachability Matrix</i>	233

Jadual 4.25	<i>Partition of Reachability Matrix</i> Elemen Pemikiran Kritis Remaja Muslim	235
Jadual 4.26	Hierarki Elemen Pemikiran Kritis.....	238
Jadual 4.27	Perincian Menurut Pandangan Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali.....	244
Jadual 4.28	Jantina Pakar	252
Jadual 4.29	Umur Pakar	252
Jadual 4.30	Kelulusan Akademik Tertinggi.....	253
Jadual 4.31	Bidang Kepakaran.....	254
Jadual 4.32	Jawatan Sekarang.....	255
Jadual 4.33	Sektor Pekerjaan	257
Jadual 4.34	Pengalaman Terlibat Dengan Golongan Remaja Secara Formal	258
Jadual 4.35	Aras Persetujuan Skala <i>Fuzzy</i>	260
Jadual 4.36	Analisis Dapatan Kesepakatan Pakar Nilai <i>Threshold</i> (d) Bagi Kesesuaian Turutan Elemen Pemikiran Kritis Remaja Muslim	265
Jadual 4.37	Analisis Dapatan Kesepakatan Pakar Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> Kesesuaian Turutan Elemen Pemikiran Kritis Remaja Muslim	267
Jadual 4.38	Analisis Kesepakatan Pakar Kesesuaian Taksonomi Pemikiran Kritis Remaja Muslim	270
Jadual 4.39	Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> Kesepakatan Pakar Taksonomi Pemikiran Kritis.....	271
Jadual 4.40	Analisis Kesesuaian Kesepakatan Pakar Kebolehgunaan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim.....	273
Jadual 4.41	Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> Kesepakatan Pakar Penilaian Kebolehgunaan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim.....	274

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Model Kemahiran Berfikir Swarts dan Reagan (Nurul Huda, 2013).....	64
Rajah 2.2. Model Kemahiran Berfikir (KPM) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012).....	66
Rajah 2.3 Model Pemikiran/Kemahiran Berfikir (Maria, 2013).....	67
Rajah 2.4 Model Pemikiran (Diubahsuai daripada Jonassen D.H : 2000) (Azizi et al., 2005)	68
Rajah 2.5 Model Pemikiran Kritis (Diubahsuai daripada Zachmeister & Johnson, 1992).....	69
Rajah 2.6 Kerangka Teoretikal Kajian	75
Rajah 2.7 Model Kurikulum Dan Pengajaran Tyler (1949).....	78
Rajah 2.8 Kerangka Konseptual Kajian.....	86
Rajah 3.1 Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan (Richey & Klien, 2007).....	111
Rajah 3.2 Model Kajian Reka Bentuk Dan Pembangunan (Richey & Klein, 2007).....	112
Rajah 3.3 Reka Bentuk Kajian	116
Rajah 3.4 Carta Alir Fasa Analisis Keperluan	118
Rajah 3.5 Kerangka Pensampelan - Prosedur Pensampelan Pelbagai Peringkat (<i>Multi-Stage Sampling Procedure</i>)	132
Rajah 3.6 Pembahagian Populasi Dan Sampel Kajian	133
Rajah 3.7 Prosedur Pengumpulan Data Kajian.....	135
Rajah 3.8 Carta Alir Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan.....	142
Rajah 3.9 Proses Analisis Data Temu Bual (Welman, Kruger, & Mitchell, 2005)	145
Rajah 3.10 Carta Alir ISM (diadaptasi daripada Attri et al. (2013)).....	151
Rajah 3.11 Gambaran Konsep ISM (diadaptasi daripada <i>Structural Decision Making with Interpretive Structural Modeling</i> (ISM), 1999, p.3) 1999, Canada : Sorach Inc.....	152

Rajah 3.12	Langkah Pembinaan ISM (diadaptasi daripada <i>Structural Decision Making with Interpretive Structural Modeling</i> (ISM), 1999, p.3) 1999, Canada : Sorach Inc.....	152
Rajah 3.13	Carta Alir Fasa Penilaian Model.....	155
Rajah 3.14	Model Penilaian Stake's Countenance.....	156
Rajah 3.15	Carta Kerja Model Penilaian Stake's Countenance (Sanjaya & Lubis, 2013).....	157
Rajah 3.16	Skala <i>Fuzzy</i>	163
Rajah 4.1	Carta Alir Prosedur ISM Bagi Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim.....	206
Rajah 4.2	Carta Alir Prosedur <i>Nominal Group Technique</i>	214
Rajah 4.3	Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam (Pendekatan <i>Interpretive Structural Modeling</i>).....	227
Rajah 4.4	Model Pemikiran Kritis Remaja Musliim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam.....	231
Rajah 4.5	Klasifikasi Model.....	240
Rajah 4.6	Langkah-Langkah Analisis <i>Fuzzy Delphi</i>	262
Rajah 4.7	Rumus Proses <i>Defuzzification</i>	263
Rajah 4.8	Kedudukan Nilai <i>a-cut</i> Dalam Penomboran <i>Fuzzy</i> (Mohd Ridhuan et al., 2014).....	264

SENARAI SINGKATAN

CCTST	<i>The California Critical Thinking Skills Test</i>
CoRT	<i>Cognitif Research Trust</i>
DDR	Design and Development Research
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
FKEE	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
HOTS	<i>Higher Order Thinking Skills</i>
ISM	<i>Interpretive Structural Modeling</i>
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LOTS	<i>Lower Order Thinking Skills</i>
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MyCT	<i>Malaysian Critical Thinking</i>
NGO	<i>Non Governmental Organization</i>
NGT	<i>Nominal Group Technique</i>
OECD	<i>Organization for Economic Cooperation and Development</i>
PISA	<i>Program For International Student Assessment</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RM	<i>Reachability Matrix</i>
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
SKK	Sekolah Kluster Kecemerlangan
SPKI	Skala Penilaian Kebolegunaan Item
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Science</i>
SSIM	<i>Structural Self-Interaction Matrix</i>
USA	<i>United States of America</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik : Analisis Keperluan
Lampiran B	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Lampiran C	Surat Kebenaran Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia USM
Lampiran D	Surat Pengenalan Diri
Lampiran E	Surat Kebenaran Dari Jabatan Pendidikan Negeri
Lampiran F	Borang Pengesahan Pakar
Lampiran G	Protokal Temu Bual Pakar
Lampiran H	Surat Pelantikan Pakar
Lampiran I	Borang Soal Selidik Fasa II
Lampiran J	Tentatif Bengkel Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam
Lampiran K	Senarai Kehadiran Bengkel
Lampiran L	Slide Perbentangan Bengkel <i>Interpretive Structural Modeling</i> (ISM) Pembangunan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam
Lampiran M	Borang Persetujuan Pakar
Lampiran N	Sijil Penghargaan Panel Pakar
Lampiran O	Borang Soal Selidik Fasa III
Lampiran P	Surat Pelantikan Pakar Soal Selidik

PEMBANGUNAN MODEL PEMIKIRAN KRITIS REMAJA MUSLIM UNTUK KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam. Metodologi kajian ini menggunakan kajian Reka Bentuk Dan Pembangunan atau *Design And Development Research* (DDR), Richey dan Klien (2007). Kajian ini melibatkan tiga fasa utama iaitu i) fasa analisis keperluan, ii) fasa reka bentuk dan pembangunan iii) fasa penilaian. Model kurikulum Tyler (1949), pandangan pemikiran Ibn Khaldun (1332-1406) dan pandangan pembangunan modal insan Al-Ghazali (1058-1111) telah dijadikan sebagai asas utama tunjang kajian. Objektif fasa pertama atau fasa analisis keperluan dijalankan bagi mengenal pasti keperluan pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam melalui persepsi pengguna. Justeru, kajian tinjauan diaplikasikan dengan satu set soal selidik diedarkan kepada 370 orang guru Pendidikan Islam di seluruh Malaysia. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) versi 21 merujuk kepada data situasi masa kini dan jangkaan masa depan dengan menggunakan statistik deskriptif. Fasa kedua merupakan fasa reka bentuk dan pembangunan dengan tumpuan kajian keseluruhannya menjurus terhadap keputusan pakar. Bagi mendapatkan data, kaedah temu bual dijalankan ke atas lima orang pakar dalam bidang pemikiran kritis dan dianalisis dengan menggunakan Perisian *Qualitative Data Analysis ALTA* ti versi 8 bagi melabelkan kod dan tema. Selain itu, *Nominal Group Technique* (NGT) dan *Interpretive Structural Modeling* (ISM) juga diaplikasikan dengan melibatkan seramai sembilan orang pakar dalam

membangunkan model. Fasa ketiga atau fasa penilaian dijalankan bagi menilai kebolegunaan model berdasarkan kesepakatan pakar. Kaedah *Fuzzy Delphi Method* (FDM) dipilih bagi mendapatkan ketepatan nilai *threshold* 'd' dan nilai *defuzzification* melalui 30 orang pakar. Penilaian kebolegunaan model dijalankan melibatkan empat bahagian yang dinilai dengan menggunakan 7 skala likert. Dapatan fasa pertama mendapati wujudnya keperluan yang tinggi berdasarkan interpretasi skor min merujuk kepada situasi masa kini berbanding jangkaan masa depan iaitu dengan min sebanyak 3.77 berbanding 4.43. Merujuk dapatan fasa kedua, sebanyak 26 elemen telah dapat dihasilkan berdasarkan konsensus yang diberikan oleh pakar. Sekali gus model dapat diklasifikasikan kepada empat kluster iaitu *independent*, *dependent*, *linkage* dan *autonomous*. Dapatan fasa penilaian mendapati nilai konstruk *threshold* 'd' masing-masing memperoleh 0.128, 0.119 dan 0.129 manakala nilai *defuzzification* pula mencapai sebanyak 98%, 99% dan 98%. Keseluruhan dapatan merupakan satu sumbangan terhadap remaja Muslim agar dapat membuat keputusan yang lebih terarah dalam menjalani kehidupan seharian. Selain itu, implikasi kajian ini juga merupakan satu sumbangan yang bermakna terhadap Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM dalam usaha memantapkan kemahiran pemikiran kritis dan juga mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, penguasaan terhadap pemikiran kritis dapat menjadikan seseorang individu bersikap lebih matang dalam menghadapi sebarang situasi berdasarkan cara berfikir dan cara bertindak.

THE DEVELOPMENT OF MUSLIM ADOLESCENTS' CRITICAL THINKING MODEL FOR ISLAMIC EDUCATION CURRICULUM

ABSTRACT

This study aims to develop the Critical Thinking Model of Muslim Adolescent based on the Islamic Education Curriculum. The methodology of this study is used Richey and Klien's (2007), Design and Development Research (DDR). This study involves three main phases: i) The needs analysis phase, ii) The design and development phase iii) The evaluation phase. Tyler's curriculum model (1949), the views of Ibn Khaldun (1332-1406) and the view of Al-Ghazali's human capital development (1058-1111) are used as the main pillars of the study. The objective of the first phase or the needs analysis phase was carried out to identify the developmental needs of the Muslim adolescent critical thinking model based on the Islamic Education curriculum through consumer perceptions. Thus, a survey was carried out with a set of questionnaires distributed to 370 Islamic Education teachers across Malaysia. Data were analyzed using *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) version 21 software with reference to the data of current situation and future expectation using descriptive statistics. The second phase was the design and development phase of the model with the focus of the overall study stressing on experts' decisions. To obtain data, interviews were carried out with five experts in the field of critical thinking and analyzed using the *ALTAS ti Qualitative Data Analysis Software Version 8* to label the codes and themes. In addition, *Nominal Group Technique* (NGT) and *Interpretive Structural Modeling* (ISM) were also implemented by involving nine experts in developing the model. The third phase or evaluation phase was conducted to evaluate the usability of the model based on

experts' consensus. The *Fuzzy Delphi Method* (FDM) method was applied to obtain the accuracy of the 'd' *threshold* and *defuzzification* values by 30 experts. The usability of the model was carried out involving four sections evaluated using 7 likert scales. Accordingly, findings of the phase indicated that there was a high need based on the interpretation of the mean score referring to the current situation versus the future expectation of 3.77 to 4.43. Referring to the second phase findings, a total of 26 elements have been produced based on the consensus provided by experts. The model can then be classified into four clusters namely *independent*, *dependent*, *linkage* and *autonomous*. The results of the evaluation phase found that the threshold values of 'd' gained 0.128, 0.119 and 0.129 respectively, while *defuzzification* values reached 98%, 99% and 98%, respectively. The overall result is a contribution to Muslim youth in order to make more focused decisions in daily life. Apart from that, the implications of this study are also in a form of assistance to the Curriculum Development Division, MOE in an effort to strengthen the critical thinking skills and also Islamic Education subjects. Thus, the mastery of critical thinking can make an individual more mature in dealing with any situation based on the way of thinking and the way of acting.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan di peringkat global kini mula mengorak langkah ke arah mempertimbangkan dan menilai semula keberkesanannya berikutan ketidakstabilan ekonomi, politik dan ketidaktentuan dalam pelbagai aspek (Abu Bakar, 2013). Perubahan situasi ini turut terkesan terhadap persekitaran pendidikan di Malaysia kerana pembinaan negara bangsa perlu selari dengan rempuhan arus globalisasi masa kini. Oleh itu, perubahan yang dilaksanakan hendaklah ditunjangi oleh idea yang bernas dan mantap, pemikiran yang bersifat kritis dalam melaksanakan sebarang tindakan (Nakagawa, 2016). Hasilnya, artikulasi pendidikan akan dapat dijelmakan dan dimanfaatkan dalam kondisi yang mencabar bersesuaian dengan pelaksanaan transformasi pendidikan. Tujuan utama proses ini dijalankan adalah untuk menjana individu yang berfikir bagi menyesuaikan pengetahuan dalam menghadapi cabaran yang mendatang (Mohd Fauzi et al., 2007; Shamsuddin, Ruzlan, & Siti Noor, 2016).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari kepentingan dan keperluan terhadap kemahiran berfikir dalam sistem pendidikan. Oleh itu, kementerian telah menjadikannya sebagai agenda utama dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah bermula seawal tahun 1990-an (Rajendran Nagappan, 2000). Kemahiran ini mula diterap dalam sukatan pelajaran sejak tahun 1988 melalui penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) (Shamsuddin, 2016), seterusnya diperkenalkan dalam kurikulum kebangsaan pada tahun 1994 melalui pelaksanaan KBSR dan KBSM (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Pelaksanaan kemahiran ini menjadi lebih bersemarak lagi apabila Perdana Menteri

keempat Tun Dr. Mahathir Mohamad pada ketika itu melancarkan Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991 yang bertujuan untuk memajukan Malaysia dalam pelbagai aspek kehidupan (Rosnani, 2003). Kertas kerja bertajuk '*Malaysia : The Way Forward*' telah dibentangkan dengan memfokuskan ke arah mempraktikkan bentuk pemikiran matang sebagai memenuhi cabaran rakyat Malaysia yang perlu berfikir secara positif, kritis dan kreatif di samping berpegang kepada falsafah moral dan etika yang tinggi berasaskan kepercayaan agama (Mahathir, 1991).

Seiring perubahan arus pendidikan global, pelbagai penerokaan anjakan paradigma telah dijalankan oleh pihak kementerian. Pada tahun 2014, KPM telah melancarkan inisiatif pembelajaran abad ke-21 dan telah diperluaskan ke seluruh negara pada tahun berikutnya (Nurzarina & Roslinda, 2015). Justeru, polemik terhadap kemahiran pemikiran kritis telah mula diberi perhatian dengan lebih serius dan terancang. Ini kerana pemikiran kritis merupakan salah satu standard asas yang terkandung dalam Pendidikan Abad Ke-21 yang merangkumi pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi, kolaboratif serta kreativiti dan inovasi (AACTE, 2010; Lucku Nindi Riandika, 2017; Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Penampilan kemahiran ini telah menyemarakkan dunia pendidikan masa kini.

Pemikiran kritis merupakan satu kemahiran yang menggunakan minda bagi menilai kewajaran sesuatu idea bagi membuat pertimbangan yang wajar. Oleh itu, pengenalan terhadap kemahiran ini telah diberi penambahbaikan dalam semua mata pelajaran termasuklah Pendidikan Islam, sekali gus usaha ini bertepatan dan bersesuaian dengan disiplin mata pelajaran tersebut kerana ia berkait rapat dengan pemahaman dan pengetahuan serta dapat mengaitkan sebab dan akibat yang berlaku. Matlamatnya adalah untuk menjana idea, membuat perbandingan, membuat keputusan, membuat inferens dan membuat justifikasi (Mohamad Maliki, Maimun

Aqsha, & Mohd Aderi, 2015).

Justeru, penerapan kemahiran ini didapati bertepatan dengan kehendak semasa dan bersesuaian dengan sasarannya. Oleh itu, kemahiran ini perlu diserap dalam diri setiap pelajar sebelum melangkah ke peringkat yang lebih tinggi. Tujuannya adalah untuk menjadi benteng dalam diri setiap pelajar ketika melakukan sebarang tindakan sekali gus dapat membantu remaja dalam menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan yang lebih terancang. Seterusnya akan dapat menghindarkan remaja daripada terjerumus ke dalam kancah sosial dewasa ini yang menyaksikan pelbagai ledakan maklumat terhasil (Lucku Nindi Riandika, 2017). Sewajarnya, pelajar yang melalui sistem persekolahan tanpa cicir akan dapat mengaplikasikan kemahiran ini dengan sempurna berpandukan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari. Tambahan pula, golongan ini merupakan kelompok digital native yang dilahirkan dan dibesarkan pada zaman teknologi digital yang sangat terdedah kepada banjir maklumat yang pelbagai. Lebih daripada itu, persoalan berkaitan perilaku seseorang individu yang merupakan natijah daripada pemikiran kritis telah mengisi hampir satu pertiga daripada isi kandungan Al-Quran di samping peranan Nabi Muhammad S.A.W sebagai utusan untuk memperbaiki akhlak seluruh umat manusia (Husna, Hamimah, Abdullah, Adabi, 2017).

1.2 Latar Belakang Kajian

Konsep pemikiran kritis telah lama dibincangkan bermula sejak kemunculan tradisi pemikiran falsafah lagi dengan tumpuan diberikan kepada aturan logik dan penghujahan (Nursafra, Mohd Isa, & Khadijah, 2017). Pemikiran kritis berasaskan akademik dipercayai mula bertapak selepas zaman Greek. Kewujudannya pada peringkat awal telah membentuk falsafah sebagai bidang perbahasannya, namun ia telah diadaptasi, difusi dan diasimilasi. Oleh yang demikian, maka wujudlah dasar-

dasar ilmu logik-mantik yang lain seperti *traditional logic*, *multivalued logic*, *pragmatic logic*, *epistemologi logic*, *logic of science* dan *symbolic logic*. Sarjana-sarjana Islam pada abad ke-10 dan ke-11 telah mengiktiraf pemikiran kritis-logik ini sebagai metode '*educated common sense*' dan telah memperkenalkan metodologi eksperimen. Metodologi ini merupakan gabungan teori dengan disokong oleh bukti yang empiris atau berdasarkan pemerhatian dan eksperimen. Usaha ini telah diteruskan oleh Roger Bacon (1214-1294) seterusnya diambil alih oleh Francis Bacon (1516-1626) dan dijadikan sebagai satu bentuk kajian ilmiah (Mohd Azhar, 2001).

Pada abad ke-20, Benjamin Bloom serta Krathwohl telah mendalami konsep penggunaan soalan dalam menjana kemahiran berfikir berlandaskan domain kognitif. Hasilnya wujudlah istilah aras pemikiran atau *level of thought processes*. Mereka berpendapat pemikiran aras tinggi hanya boleh diaplikasikan dengan soalan dan objektif pengajaran aras tinggi (Siti Rahayah et al., 1989). Justeru, pemikiran kritis-logik ini dikenali sebagai pendekatan ilmiah dan sesetengah sarjana cuba mentakrifkannya sebagai pemikiran kritis berdasarkan kemahiran berfikir yang menjadi tumpuan utama (Mohd Azhar, 2001).

Bukti-bukti tersebut menunjukkan amalan pemikiran kritis sudah lama wujud dan telah lama dipraktikkan. Walau bagaimanapun, ia mula mengambil tempat dalam dunia pendidikan di Malaysia bermula apabila diperkenalkan KBKK yang lebih mengutamakan peningkatan daya pemikiran dengan harapan supaya menjadi insan yang bersedia menghadapi cabaran hidup pada masa hadapan. Langkah ini selari dengan Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) (Siti Rahayah et al., 1989). Pengenalan KBKK telah dibahagikan kepada dua komponen merangkumi berfikir

secara kritis dan berfikir secara kreatif. Kemahiran pemikiran kritis merujuk kepada keberkesanan seseorang menggunakan pemikiran untuk menentukan kesahan atau kebaikan sesuatu idea, buah fikiran di samping membuat penilaian terhadap sesuatu data atau maklumat (Rajendran Nagappan, 2001).

Kesinambungan perkembangan tersebut, program Sekolah Pintar telah diperkenalkan oleh KPM pada tahun 1997 bagi dijadikan sekolah rintis pelaksanaan kemahiran berfikir. Tujuannya adalah untuk membantu pelajar membentuk keseimbangan antara ilmu dan amalan bagi menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian di samping dapat membina dan meningkatkan kapasiti intelektual dari segi pemikiran rasional, kritis dan kreatif (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1993). Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat KPM dengan memperkenalkan *CoRT Thinking Tools Accelerated Learning*, *Optimal Learning*, *Optimal Learning* dan *Critical And Creative Thinking* (Akbariah, 2009).

Perkembangan kemahiran berfikir seterusnya telah diperluaskan dari semasa ke semasa dengan diperkenalkan program-program seperti *i-think programme (innovative thinking)*, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan pemikiran kritis dalam proses pengajaran guru. Pelaksanaan ini merangkumi keseluruhan mata pelajaran secara kolektif yang didapati bersesuaian dengan persekitaran Pendidikan Abad Ke-21 (Hamdiah & Zarina, 2016; Kamarul Azmi & Mohd Izzuddin, 2015; Mohd Fauzi et al., 2007).

Sejajar perkembangan semasa, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan oleh KPM berkaitan kemahiran berfikir. Menurut Shamsuddin (2016) KBKK yang aplikasikan sebelum ini didapati kurang diberi perhatian yang sewajarnya dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang dihasratkan melalui kurikulum. Justeru,

kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) telah diperkenalkan sebagai inisiatif yang selari dengan anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelaksanaan KBAT telah mula diaplikasikan di semua sekolah pada tahun 2014 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014; Hamdiah & Zarina, 2016). Sejak itu, istilah ini mula diberi perhatian secara holistik dalam sistem pendidikan. Tujuannya adalah untuk mencapai standard kualiti sistem pendidikan yang tinggi. KBAT merupakan salah satu komponen utama yang terkandung dalam kemahiran pemikiran kritis dan kreatif, penyelesaian masalah dan membuat keputusan (Facione, 1990a; Mulnix, 2012; Shamsuddin, 2016). Komponen ini juga didapati seiring dengan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2017) yang menyenaraikan KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif, menaakul dan strategi berfikir.

Pelaksanaan KBAT merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan KBKK untuk memperkukuh dan memperkasakan kemahiran berfikir dalam membuat pertimbangan dan penilaian ketika menyelesaikan masalah (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2016). Di samping itu, ia juga dapat melahirkan insan yang menguasai kemahiran berfikir aras tinggi dan mampu untuk berdaya saing di peringkat global serta dapat menguasai kemahiran abad ke-21. Usaha ini merupakan antara enam aspirasi murid sepertimana yang telah dinyatakan dalam PPPM iaitu setiap murid perlu menguasai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta mempunyai identiti nasional yang mantap (KPM, 2017).

Selain itu, hasrat jangka panjang yang diharapkan melalui pelaksanaan ini adalah untuk melahirkan profil murid yang berupaya pada peringkat global seperti berdaya tahan, pemikir, mahir berkomunikasi, kerja sepasukan, memiliki sifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, prihatin dan patriotik (Bahagian Pembangunan

Kurikulum, 2014). Fokus ini didapati seiring dengan Baron, Granato, Spranca, & Eva Teubal (1993) yang menegaskan usaha tersebut boleh membantu remaja supaya terhindar daripada gejala negatif yang boleh membawa kepada keruntuhan sosial budaya sesuatu masyarakat. Ini kerana sekiranya kanak-kanak yang memasuki alam remaja namun masih lagi gagal berfikir secara kritis dikhuatiri akan memudaratkan dirinya. Seseorang individu yang menguasai kemahiran pemikiran kritis dengan baik akan dapat menilai sesuatu idea dengan berkesan sebelum menerima idea tersebut sepenuhnya (Lawless, 2014).

Ennis (1985) menjelaskan walaupun terdapat banyak jenis pemikiran yang telah dikenal pasti namun pemikiran kritis merupakan antara kemahiran berfikir yang paling berkesan. Kepentingan terhadap keperluan menguasai pemikiran kritis bagi seseorang individu terutamanya remaja adalah begitu dititikberatkan. Oleh yang demikian, kepentingan menguasai pemikiran kritis telah diakui oleh ramai para sarjana di dalam negara mahupun di luar negara (Chen, 2014; Ennis, 1985; Kiruba, Sreelekha, Jaideep, Aruna, & Roy., 2018; Leach, 2011; Mohd Fauzi et al., 2007; Nakagawa, 2016; Nursafra, Mohd Isa, & Khadijah, 2016a; Rizaman, Rabiatul Adawiah, & Muhammad Zuhair, 2020; Rosnani, 2003; Siti Rahayah et al., 1989; Verawati, Siti Rahayah, Rodiah, & Nor Azaheen, 2010).

Di samping itu, sejarah ketamadunan Islam juga turut membuktikan kejayaan Rasulullah S.A.W mendidik Talhah Ibn Ubaidullah dan Zubair Ibn Awwam menjadi remaja terulung yang memiliki corak pemikiran unggul sehingga melahirkan sifat-sifat terpuji (Aizan & Murni, 2017). Begitu juga dengan kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh yang berjaya menakluki Kota Constantinople pada usia yang muda hasil pemikiran dan perancangan yang mantap dalam pentadbiran ketenteraannya (Ahmad Azan, Noor Azmi, Jessica Ong, Norlaila, Mohaiyadin Safar, 2018). Selain itu,

kepentingan terhadap kemahiran ini juga sering diungkapkan oleh hampir semua tokoh-tokoh sarjana-sarjana Islam pada masa yang lalu antaranya Imam Al-Ghazali, Ibn Khaldun dan selainnya. Begitu juga dengan tokoh sarjana Islam masa kini seperti Yusuf Al-Qardhawi, Iwad Ibn Muhammad Al-Qarni dan lain-lain. Walau bagaimanapun, penyampaian melalui penulisan mereka tidak dinyatakan secara terang-terangan sebaliknya diserapkan dengan cara yang tersirat. Saranan yang diberikan jelas menggalakkan ke arah pembentukan individu Muslim yang lebih kompeten selari dengan tugas di atas muka bumi ini sebagai khalifah.

Cotton (1990) turut menegaskan masalah disiplin dalam kalangan pelajar merupakan salah satu polemik yang hangat diperkatakan di peringkat global. Oleh itu, Nakpodia (2010) menjalankan kajian di Nigeria mendapati guru merasakan suasana yang tidak selamat apabila berada dalam kawasan sekolah terutamanya ketika berada di dalam kelas. Ini disebabkan dikhuatiri dalam kalangan pelajar akan melakukan sebarang tindakan di luar kawalan terhadap rakan mahupun guru ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh *Phi Delta Kappa International*, Amerika Syarikat telah menduduki tempat kedua tertinggi yang terlibat dengan masalah disiplin pelajar pada tahun 2012 (Rose & Gallup, 2012). Selain itu, Kiruba et al. (2018) mendapati pelajar perempuan di Kerala, India hanya mencatatkan keputusan 0.9 peratus yang mencapai kemahiran berfikir melepasi kategori tahap tinggi berbanding 61.5 peratus yang memperoleh kemahiran berfikir pada kategori tahap rendah. Situasi ini menggambarkan tentang satu tindakan perlu dilaksanakan dalam menangani isu-isu tersebut.

Justeru, satu inisiatif yang bersifat impak maksimum perlu dijalankan terhadap remaja masa kini untuk diaplikasikan secara berkesan. Saranan yang dicadangkan adalah dengan mewujudkan model yang dikhususkan kepada golongan tersebut.

Model yang dimaksudkan merupakan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam. Model ini berbentuk model kandungan kurikulum, walau bagaimanapun ia boleh digunakan dalam beberapa situasi yang lain seperti dalam aktiviti ko-kurikulum, program-program remaja, kursus motivasi, aktiviti keagamaan dan lain-lain. Pandangan ini didapati senada dengan Che Zarrina dan Sharifah Basirah (2012) yang menegaskan membangunkan model merupakan satu keperluan yang mendesak terhadap masyarakat masa kini. Pendapat ini seiring dengan Nur Shahidah, Yusmini dan Norrodzoh (2015) turut menegaskan bahawa terdapat pelbagai pendekatan terhadap remaja perlu dilaksanakan dalam usaha mencapai objektif sepertimana yang dihasratkan melalui dasar pendidikan.

Frasa ‘berasaskan kurikulum Pendidikan Islam’ bermaksud model yang dibangunkan telah menjadikan sukatan pelajaran KBSM dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) sebagai landasan utama dan panduan bagi mengumpulkan elemen-elemen pemikiran kritis. Rasional pemilihan kurikulum Pendidikan Islam ini kerana skop standard kandungannya saling melengkapi dan bersesuaian dengan golongan remaja malahan apa yang lebih penting adalah kurikulum tersebut merupakan dokumen yang sedang diimplementasikan dalam sistem pendidikan di Malaysia sehingga kini. Namun, jika untuk dikuasai dalam tempoh lima tahun persekolahan sudah tentu akan mengambil masa yang panjang. Oleh yang demikian, dengan berpandukan model ini akan memudahkan dan menjadikan tempoh menguasai elemen-elemen pemikiran kritis ini menjadi lebih singkat dan lebih berkesan.

Usaha ini diyakini dapat membantu dan membimbing remaja dalam membuat keputusan sekali gus dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna seterusnya

terhindar daripada gejala-gejala negatif supaya tidak terpesong daripada matlamat kehidupan yang sebenar. Selain itu, usaha ini juga merupakan satu inovasi terhadap model sedia ada dengan meningkatkan kebolegunaan yang mempunyai fungsi yang terbatas kepada fungsi pelbagai kegunaan. Hal ini juga akan membantu meningkatkan kebebasan dalam berfikir secara terbuka di samping membantu perkembangan minda melahirkan sikap yang tidak terlalu jumud dalam menyalurkan pendapat dan juga idea (Mohd Fauzi et al., 2007; Rizaman et al., 2020). Malahan menurut Nurzatil Ismah (2017) golongan remaja memerlukan panduan dalam membentuk jati diri mereka. Justeru, usaha membangunkan model ini merupakan satu tindakan yang tepat pada masanya kerana golongan ini masih terikat dengan alam persekolahan. Tambahan pula inilah masa yang cukup sesuai dalam mengukuhkan pembentukan keperibadian seseorang remaja.

1.3 Penyataan Masalah

Pendidikan Islam diperkenalkan bertujuan untuk membentuk individu Muslim yang kompeten dalam setiap aspek kehidupan bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (Lukman Hakimi, 2014; Mohd Roslan & Wan Mohd. Tarmidzi, 2011; Rizaman, Rabiatul Adawiah, & Muhammad Zuhair, 2019; Zaharah et al., 2020). Sehubungan itu, apa yang diharapkan setelah mempelajari Pendidikan Islam pelajar akan dapat menguasai kemahiran-kemahiran tertentu dan seterusnya dapat mempraktikkan amalan tersebut dalam kehidupan sebagai seorang Muslim yang sempurna (KPM, 2016). Namun, statistik menunjukkan terdapat jumlah kes salah laku remaja yang amat membimbangkan sehingga kini (Ahmad Firdaus, Kamarul Azmi, & Khairunnisa, 2016; Aizan & Murni, 2017; Kamarul Azmi, 2016; Muhammad Faizal et al., 2016; Norsaleha, Ab Halim, Noor Hafizah, Salleh, & Amriah, 2016; Nur Shahidah, 2017; Nurul Husna et al., 2017; Nurzatil Ismah &

Zulkifli, 2017; Salhah, Saedah, & Sapora, 2014; Zainuddin & Norazmah, 2011) (Utusan Malaysia, 12 Julai 2017; Berita Harian, 3 November 2017; Berita Harian, 17 Oktober 2016; Sinar Harian, 2 Oktober 2016; Berita Harian, 19 April 2016).

Menurut Noor Mohamad (2017) terdapat sebanyak 311 buah sekolah kini menghadapi pelbagai masalah disiplin. Berdasarkan statistik tahun 2016 sebanyak 111,895 murid telah terlibat dengan salah laku disiplin yang melibatkan seramai 16,849 murid sekolah rendah manakala seramai 95,046 murid terdiri daripada sekolah menengah. Kes ponteng sekolah merupakan isu utama dalam kes salah laku disiplin yang telah mencatatkan jumlah tertinggi. Bagi kes buli, terdapat sebanyak 3,448 kes telah direkodkan pada tahun 2016 manakala sehingga Jun 2017 terdapat 872 kes. Pihak kementerian mendapati jumlah yang terlibat dengan masalah disiplin berada pada kadar 2.03 peratus setahun sejak 2012 sehingga 2016.

Selain itu, merujuk laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur mendapati jumlah jenayah juvenil pada 2001 sehingga 2011 menunjukkan bangsa Melayu telah mencatat jumlah tertinggi berbanding dengan yang lain (Noor Shakirah & Muhammad Azizan, 2014). Data ini diperkukuhkan lagi dengan laporan berkaitan jumlah pelajar yang menghuni di Sekolah Hendry Gurney dan Sekolah Integriti sehingga 31 Mei 2016 yang telah mencecah jumlah seramai 2363 orang (Berita Harian, 2017b). Angka ini menunjukkan terdapatnya jumlah yang besar bilangan remaja masa kini yang terlibat dengan pelbagai kes salah laku.

Merujuk statistik tersebut, jelas membuktikan kebimbangan dalam kalangan masyarakat kini dan sudah pasti jumlah ini turut melibatkan pelajar Muslim. Sedangkan golongan ini pernah didedahkan dan mempelajari pengetahuan agama

Islam melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dengan secukupnya sepertimana yang telah distrukturkan melalui kurikulum Pendidikan Islam, KPM. Tambahan pula, menurut Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016, prestasi mata pelajaran Pendidikan Islam telah menunjukkan peningkatan tertinggi dalam semua mata pelajaran iaitu sebanyak 0.32 berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) (Berita Harian, 2017a). Namun begitu, jika dilihat dari sudut penghayatan terhadap mata pelajaran tersebut ternyata terdapat kontradiksi yang jauh tersasar daripada apa yang dihasratkan oleh semua pihak. Apa yang menjadi persoalannya ialah sekiranya pelajar mengaplikasikan kemahiran berfikir melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dengan berkesan sudah tentu jurang ini dapat diminimumkan.

Pendidikan Islam dan kemahiran berfikir didapati tidak bergerak secara beriringan berbanding mata pelajaran lain. Pendidikan Islam didapati kurang memberi penekanan terhadap aspek kritis apabila melibatkan perkara-perkara berkaitan wahyu. Alasan yang diberikan adalah kerana ilmu berasaskan wahyu yang telah dibawakan oleh ulama terdahulu adalah bersifat muktamad dan pelajar dilarang daripada memindanya, situasi ini didapati tidak bersesuaian dengan urusan yang bersifat duniawi (Mohd Zaidi, 2014). Walau bagaimanapun, pada hakikatnya ilmu tersebut masih boleh diperbahaskan dengan lebih mendalam malahan realitinya itulah yang perlu dilakukan terhadap ilmu berasaskan wahyu. Namun, proses ini didapati masih berada pada tahap yang memerlukan penambahbaikan. Tambahan pula, pendapat ini turut disokong oleh Nursafra, Mohd Isa, Khadijah dan Wan Ali Akbar (2016) yang menyatakan pengajaran Pendidikan Islam didapati kurang memberansangkan daya fikir pelajar. Begitu juga dengan dapatan kajian Mohamad Maliki, Maimun Aqsha, & Mohd Aderi (2018) yang menekankan aspek yang sama

iaitu kelemahan dalam aspek pengajaran. Walau bagaimanapun, jelas hujah ini tidak seiring dengan hasrat KPM kerana sekiranya Pendidikan Islam tidak bergerak secara serentak dengan pemikiran kritis sudah tentu hasrat PPPM tidak dapat direalisasikan dengan berkesan (Mohd Zaidi, 2013).

Menurut Rosnani, Suhailah dan Adesile (2014) kemahiran berfikir secara kritis merupakan satu elemen penting dalam mentafsir prinsip dan ajaran Islam yang dipelajari ke dalam konteks kehidupan seharian. Seseorang Muslim harus terlebih dahulu meneliti dan membuat pertimbangan yang sesuai ketika menghadapi saat-saat kritikal dalam kehidupan seharian serta dapat mengukuhkan pegangan berdasarkan apa yang dipelajari. Kajian mendapati antara faktor yang menjurus kepada berlakunya masalah remaja adalah kerana ketidakupayaan golongan ini dalam mengaplikasikan pengetahuan mereka dengan menggunakan kemahiran berfikir secara berkesan (Marlina & Shaharom, 2010; Rosnani et al., 2014; Wan Salha, Nurul Syazwani, Ahmad Fahmi, & Noor Asliza, 2010). Bahkan Mohd Fauzi et al. (2007) turut menyuarakan pendirian yang senada tentang kepentingan kemahiran ini dalam melahirkan pelajar yang berdaya saing ketika berdepan dengan sesuatu permasalahan dalam kehidupan seharian. Hujah ini turut disokong oleh Wan Sallha et al. (2010) yang mendapati golongan remaja tidak dapat membuat keputusan yang tepat dalam pergaulan seharian mereka. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Mazli dan Saemah (2017) yang turut menyatakan pendirian yang sama iaitu tahap kemahiran membuat keputusan dalam kalangan pelajar sekolah menengah masih lagi berada pada tahap yang sederhana.

Tinjauan mendapati aspek kemahiran berfikir ini telah diteroka secara meluas dan pelaksanaan terhadap kemahiran ini begitu memberangsangkan (Ismail, Muhammad, Lubis, Hamzah, 2016; Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2016, 2017).

Walaupun bagaimanapun, kajian terdahulu hanya memfokuskan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran sahaja iaitu tertumpu kepada corak penggunaan aras soalan, elemen pentaksiran, strategi penerapan, kesediaan dan kemahiran guru. Sedangkan matlamat kemahiran berfikir sebenarnya jauh lebih mendalam yang merangkumi aspek-aspek seperti mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat sebelum mengambil keputusan, mengambil kira aspek emosi, laluan berfikir yang memfokuskan kepada aspek-aspek negatif, fokus terhadap idea-idea baharu atau mutakhir dan laluan berfikir yang mengarah kepada pembuat keputusan, masih lagi belum diteroka sepenuhnya (Zulkifley & Mohd. Asyraf, 2014). Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Rosnani et al. (2014) yang menyatakan sistem pendidikan di Malaysia masih lagi belum kukuh dalam usaha melahirkan pelajar berkaitan kemahiran berfikir (Nursafra et al., 2017; Rosnani et al., 2014). Kebenaran terhadap kenyataan ini dibuktikan dengan merujuk keputusan yang dicatatkan melalui Program Penilaian Antarabangsa Pelajar (PISA) yang telah meletakkan Malaysia dalam kelompok satu pertiga terendah di peringkat antarabangsa (Malaysia Education Blueprint, 2013). Keberadaan kedudukan ini merujuk kepada tahap kemahiran berfikir aras tinggi dan kebolehan penyelesaian masalah dalam persekitaran sebenar.

Oleh yang demikian, satu tindakan penyelesaian yang berkesan daripada semua pihak seperti ibu bapa, sekolah dan masyarakat perlu dilaksanakan terhadap golongan ini. Satu inisiatif dicadangkan iaitu dengan mewujudkan model pemikiran kritis yang memfokuskan terhadap remaja Muslim. Menurut Mohd Norulhisham, Firdaus, Mohd Nizam dan Mohamad Sattar (2016) model merupakan satu mekanisme yang boleh dijadikan panduan dalam memberi gambaran terhadap sesuatu perkara. Merujuk kajian Hayatun, Undang, Kartini dan Neni (2018)

mendapati kesan penerapan model pembelajaran *Argument Driven Inquiry* terhadap keupayaan pemikiran kritis menunjukkan peningkatan yang amat tinggi iaitu sebanyak 95%. Begitu juga dengan kajian Ling (2018) mendapati model yang digunakan dapat meningkatkan kecekapan dan pengajaran dalam kelas. Malahan, terdapat banyak kajian yang menunjukkan akan keberkesanan penggunaan model dalam penyelidikan yang dijalankan (Karyadi, Ruyani, Sipriyadi, & Johan, 2018; Santyasa, 2018).

Justifikasi lain pemilihan kajian ini adalah kerana model-model sedia ada hanya menjurus kepada model keislaman, model psikologi, model tauhid, model dakwah, model perubatan, model kekeluargaan (Azizi & Halimah, 2010; Che Zarrina & Sharifah Basirah, 2012; Jamiah & Sidek, 2016; Mahadzirah, Ahmad Rusdi, Wan Norhayati, & Manan, 2013; Mohd Norulhisham et al., 2016; Munira, Mutalib, & Nordin, 2014; Nur Hanani, Mohd Aderi, & Ab Halim, 2013; Rohani, Hazri, & Mohamad Zohir, 2017; Sallah et al., 2014; Syabuddin & Abdul Ghafar, 2015) namun model yang menjurus kepada pemikiran kritis remaja Muslim masih belum diteroka secara maksimum dan ini sejajar dengan cadangan Joseph (1999) yang menegaskan corak pendidikan formal kini tidak lagi dapat memenuhi keperluan pembangunan remaja dalam mendepani realiti kehidupan masa depan. Pendapat ini turut disokong oleh (Verawati et al., 2010) supaya dapat dibangunkan model pemikiran kritis remaja kerana gaya masa kini semakin berubah.

Berdasarkan tinjauan, kajian yang melibatkan model pemikiran kritis yang terkini masih belum ditemui namun tinjauan telah menemui kajian terdahulu yang mempunyai beberapa ciri persamaan dengan kajian yang dijalankan. Kajian terdahulu melibatkan penerokaan ciri-ciri psikometrik instrumen pentaksiran pemikiran kritis telah dijalankan oleh Akbariah (2009). Walau bagaimanapun, kajian

tersebut telah melalui satu tempoh masa yang lama untuk dijadikan sebagai indikator. Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti dari segi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berlandaskan definisi konseptual pemikiran kritis Malaysia. Selain itu, skop kajian pula tertumpu kepada pelajar institusi pengajian tinggi. Secara keseluruhan dapatan kajian tersebut dianggap sesuai untuk pelajar universiti tempatan. Namun, model yang dibangunkan lebih memfokuskan kepada pemikiran kritis remaja Muslim dengan memberi penekanan kepada remaja di peringkat sekolah menengah merangkumi pelajar berumur 13 hingga 17 tahun yang merupakan individu yang banyak terdedah kepada gejala sosial dari segi pemikiran serta kematangan jiwa yang dibentuk (Aizan & Murni, 2017). Di samping itu, pendekatan kajian yang dijalankan terdapat perbezaan yang begitu ketara dengan kajian terdahulu.

Hakikatnya, kajian yang melibatkan skop pemikiran kritis telah lama dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu sama ada dalam negara mahupun luar negara (Asyraf, 2014; Ili Atiqah, 2016; Nursafra et al., 2017) namun skop kajian adalah berbeza tambahan pula kajian mendapati kurangnya penerapan nilai-nilai keagamaan dalam kajian-kajian terdahulu jika dibandingkan dengan nilai-nilai barat. Sedangkan menurut Mohd Azhar (2001) falsafah berfikir seharusnya seiring dengan matlamat agama. Hujah ini seiring dengan Hamka yang berpendirian bahawa dalam mencari kebenaran perlu wujud kerjasama antara agama dan falsafah (Abd Ganing & Wan Mohd Fairaz, 2015). Pendapat ini disokong oleh Nur Najihah dan Syed Hadzrullathfi (2017) yang menegaskan jika aspek keagamaan dipisahkan maka akan mengakibatkan ketidakseimbangan terhadap pengaruh pemikiran dan tingkah laku. Malahan, model pemikiran kritis yang menjurus terhadap remaja Muslim mahupun model yang memfokuskan terhadap pemikiran kritis juga sehingga kini masih lagi

belum ditemui. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melakukan kombinasi antara teori-teori sedia ada serta melengkapinya dengan kajian-kajian lepas di samping melakukan penambahbaikan teori (*expanding theory*) terhadap model-model sedia ada terutamanya yang menjurus kepada model pemikiran kritis remaja Muslim. Epstein (2008) menegaskan model-model sedia ada hanya tersirat andaian yang tersembunyi manakala konsistensi dalamannya tidak diuji dengan berkesan.

Justifikasi menjadikan Pendidikan Islam sebagai asas utama kajian adalah kerana mata pelajaran ini begitu sinonim dengan diri pelajar yang berada di sekolah menengah. Malahan, apabila semua elemen-elemen pemikiran kritis yang terkandung dalam Pendidikan Islam ini digabungkan dalam satu model maka sudah tentu dapat memantapkan lagi penghasilan model dengan lebih berkesan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan membangunkan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam. Kajian ini menjurus kepada model kandungan kurikulum walau bagaimanapun, model ini boleh digunakan dalam pelbagai situasi. Kajian dijalankan dengan berlandaskan tiga fasa dan setiap fasa mempunyai objektif seperti berikut :

1.4.1 Objektif Fasa Pertama

1. Menenal pasti keperluan pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan persepsi pengguna.

1.4.2 Objektif Fasa Kedua

1. Mereka bentuk dan membangunkan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan keputusan dan pendapat pakar.

1.4.3 Objektif Fasa Ketiga

1. Menilai model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan kesepakatan pendapat pakar.

1.5 Persoalan Kajian

Berpandukan objektif kajian, persoalan kajian dapat dinyatakan seperti berikut :

1.5.1 Fasa I : Analisis Keperluan

1. Mengenal pasti keperluan pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan persepsi pengguna.
 - a) Apakah persepsi terhadap keperluan pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan persepsi pengguna ?
 - b) Sejauh manakah keperluan terhadap pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan persepsi pengguna.
 - c) Adakah terdapat keperluan terhadap pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam pada masa depan berdasarkan persepsi pengguna ?

1.5.2 Fasa II : Reka Bentuk Model Dan Pembangunan

1. Mereka bentuk dan membangunkan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan pendapat dan keputusan pakar. Berikut merupakan persoalan kajian bagi fasa reka bentuk dan pembangunan :

- a) Berdasarkan pandangan pakar, apakah elemen-elemen pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam ?
- b) Berdasarkan konsensus kolektif pakar, apakah kedudukan keutamaan elemen-elemen pemikiran kritis remaja Muslim model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam ?
- c) Berdasarkan konsensus kolektif pakar, bagaimanakah elemen pemikiran kritis remaja Muslim diklasifikasikan dalam model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam ?
- d) Berdasarkan konsensus kolektif pakar, apakah bentuk model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam ?

1.5.3 Fasa III : Penilaian

1. Menilai model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan pandangan pakar. Fasa penilaian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut :

- a) Apakah konsensus pakar tentang kesesuaian turutan elemen-elemen pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam ?
- b) Apakah konsensus pakar tentang kesesuaian taksonomi elemen-elemen pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam ?
- c) Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian kebolegunaan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam ?

1.6 Kepentingan Kajian

Merujuk statistik sepertimana yang telah dibincangkan dalam sub topik yang lalu, jelas membuktikan data salah laku golongan ini semakin meningkat dan membimbangkan dari semasa ke semasa. Situasi ini adalah bertitik tolak daripada kesilapan dan kealpaan dalam setiap tindakan yang telah dilakukan yang natijahnya membawa kepada gejala yang tidak diinginkan seperti jenayah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk membangunkan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam. Fokus utama kajian adalah untuk membantu remaja menangani permasalahan yang dihadapi ketika melakukan sebarang tindakan dan membuat keputusan dalam kehidupan seharian. Ini kerana golongan ini merupakan individu yang paling utama menjadi katalis dalam mewarisi nilai-nilai keagamaan di samping memiliki kerangka pemikiran yang berkonsepkan keagamaan terhadap generasi masa hadapan.

Persoalan ini diyakini sekiranya tidak dibendung dan diatasi dengan berkesan akan menyebabkan gejala sosial masa kini menjadi semakin parah dan akan

bertambah parah (Sharif & Mohammad Roslan, 2011). Fenomena ini ternyata boleh membawa kepada keruntuhan kepada sesebuah institusi dan boleh merugikan negara dalam tempoh jangka masa yang panjang. Oleh yang demikian, sesuatu tindakan yang terancang hendaklah dilakukan bagi menanganinya. Model pemikiran kritis dipilih kerana model ini diyakini dapat dijadikan panduan dan rujukan sekali gus dapat membendung gejala yang kurang sihat ini pada masa akan datang.

Kajian ini juga dapat memberi implikasi kepada KPM dengan memfokuskan terhadap peranan pencegahan melalui penerapan nilai keagamaan serta pemulihan kepada remaja yang ironinya tersasar daripada sistem pendidikan yang dihasratkan. Oleh itu, hasil kajian ini dapat dijadikan nilai tambah dan panduan dalam merangka serta menyusun program-program khas bagi melahirkan remaja Muslim yang mempunyai kemahiran berfikir secara kritis serta mempunyai kualiti diri yang benar-benar mantap dari segi rohani dan jasmani. Seterusnya, dapat membantu remaja masa kini supaya menjadi insan yang berjaya di dunia mahupun di akhirat.

Kajian ini juga turut menyumbang terhadap pengembangan kepada teori-teori sedia ada berkaitan pemikiran kritis terutamanya terhadap teori pemikiran kritis yang lebih menjurus kepada penambahan terhadap nilai-nilai keislaman berbanding dengan nilai-nilai barat. Ternyata model-model sedia ada yang ditemui kurang dalam menggarapkan unsur-unsur keislaman seperti unsur-unsur mentauhidkan diri kepada Yang Maha Esa, unsur-unsur Fiqh dan lain-lain unsur untuk diserapkan dalam proses berfikir. Oleh yang demikian, keunikan dan keistimewaan model ini adalah merujuk kepada gabungan teori-teori antara Islam dan juga barat tersebut. Tambahan pula, model ini begitu sesuai untuk dijadikan panduan dalam konteks masyarakat Malaysia kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang majoriti rakyatnya adalah beragama Islam malahan Islam merupakan agama rasmi di Malaysia.

Selain itu, pembangunan model ini juga dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan kandungan kemahiran pemikiran kritis khususnya dan amnya kepada semua guru supaya dapat menggunakan model ini di samping menjadikannya sebagai alternatif kepada strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian. Usaha ini diyakini dapat meningkatkan pencapaian pelajar terutamanya terhadap konsep kemahiran berfikir serta dapat meningkatkan minat yang mendalam dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini kerana kepelbagaian strategi dalam menyampaikan ilmu turut menyumbang impak yang besar terhadap pelajar (Mohd Faez & Kamarul Azmi, 2011; Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2016, 2017; Nurzarina & Roslinda, 2015). Secara tidak langsung usaha ini memberi impak yang positif kepada guru dan pelajar.

Selain itu, sumbangan yang dapat direalisasikan melalui kajian ini adalah berkaitan dengan pendekatan yang dipilih iaitu penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (*Design And Development Research*) yang dipelopori oleh Richey dan Klien (2007). Berdasarkan tinjauan, sehingga kini pengkaji mendapati hanya beberapa kajian yang dijalankan dalam bidang Pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan ini, namun skop perbincangan adalah berbeza (Habibah@Artini, 2017; Ramlan, 2017). Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kepada warga penyelidik khususnya dan amnya kepada penyelidik-penyelidik dalam bidang Pendidikan Islam bagi menyebarkan pendekatan ini serta dapat mengisi ruang dalam kepelbagaian bidang penyelidikan yang telah diperkenalkan kerana bentuk penyelidikan ini merupakan satu bentuk kajian yang masih baharu di Malaysia iaitu *multiple research method (pragmatisme)*.

Artikulasi ini juga diharapkan dapat memupuk kerjasama yang lebih erat antara sekolah, pelajar, ibu bapa dan komuniti menerusi perantaraan hubungan dalam

pelaksanaan model pemikiran kritis remaja Muslim. Malah, menerusi pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim ini organisasi atau badan-badan tertentu seperti persatuan ibu bapa dan guru, institusi pendidikan awam dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) atau *non-governmental organization* berpeluang memperoleh input pendidikan yang berguna dalam menangani masalah remaja masa kini.

Sekiranya dilihat dari perspektif sumbangan terhadap pelajar pula, golongan ini diharapkan dapat mempraktikkan elemen-elemen pemikiran kritis ini walau di mana sahaja mereka berada sama ada secara formal atau tidak formal. Remaja Muslim dijadikan sasaran kajian kerana usia sebegini merupakan usia yang begitu sesuai dalam membentuk identiti mereka sebagai seorang Muslim yang mempunyai keperibadian yang luhur. Penerapan elemen-elemen pemikiran kritis ini diyakini akan menjadi lebih terarah dan berkesan jika disampaikan melalui sistem pendidikan formal yang jelas akan strukturnya. Strategi ini akan dapat dicapai sekiranya pelajar dibekalkan dengan satu inisiatif yang bermanfaat dalam melahirkan pelajar yang berkualiti dalam pelbagai aspek.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini bergantung sepenuhnya kepada kerjasama serta sumbangan idea yang dilontarkan oleh para peserta kajian yang terdiri daripada kumpulan pakar. Responden yang terlibat terdiri daripada pakar yang telah dikenal pasti terlibat dengan Pendidikan Islam dan tokoh-tokoh yang terlibat dengan kemahiran pemikiran kritis. Di samping itu, sebahagian pakar juga merupakan antara mereka yang terlibat dengan pembuat dasar daripada KPM serta penggubal kurikulum yang mempunyai pengalaman yang luas, tokoh-tokoh sarjana Pendidikan Islam daripada institut pengajian tinggi awam mahupun swasta yang mempunyai pengalaman yang mendalam dalam bidang masing-masing, pensyarah Institut Pendidikan Guru

Malaysia, para pentadbir, Guru Cemerlang Pendidikan Islam, Guru-guru Pendidikan Islam, Kaunselor, NGO (*Non-Governmental Organization*) dan tokoh-tokoh agama yang terlibat dengan masyarakat terutama golongan remaja.

Kesahan dapatan kajian sangat bergantung kepada tahap kerjasama, komitmen serta kesungguhan yang diberikan semasa teknik pungutan data melalui temu bual pakar dan teknik *Interpretive Structural Modeling* (ISM). Selain itu, proses penilaian kebolegunaan model (*usability test*) dijalankan dalam kalangan pakar-pakar dengan menggunakan *Fuzzy Delphi Method* (FDM) yang bertujuan untuk melihat tahap kebolegunaan model yang telah dibangunkan. Sasaran terhadap model yang dihasilkan hanya memfokuskan kepada kandungan kurikulum yang bersifat umum dan boleh dijalankan secara terbuka atau tidak formal mengikut kesesuaian.

Berdasarkan limitasi kajian yang telah diperincikan, dapatan kajian yang dijalankan adalah spesifik kepada konteks yang telah disenaraikan iaitu meliputi reka bentuk dan pembangunan dan bukan bertujuan untuk membuat kesimpulan yang umum.

1.8 Definisi Operasional

Kajian ini bertajuk Pembangunan Model Pemikiran kritis Remaja Muslim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam. Oleh itu, pengkaji menjelaskan beberapa istilah yang terdapat dalam kajian ini.

1.8.1 Model

Model merupakan satu bentuk konsep yang diterjemahkan dalam bentuk grafik. Proses ini bagi memudahkan pembaca memahami sesuatu proses kerja atau aktiviti yang dimaksudkan oleh pengkaji (Tracey & Morrow, 2006). Tuanku Sarah

(1997) menjelaskan model boleh dipaparkan melalui bentuk rajah urutan, rangka, contoh berajah, struktur dan bentuk luaran yang boleh dilihat secara gambaran kesimpulan atau '*pictured description*'. Menurut Normand, Littlejohn dan Falconer (2008) telah mentafsirkan model sebagai sesuatu yang boleh diterjemahkan dalam bentuk rajah.

Merujuk kajian ini model bermaksud satu kerangka yang terdiri daripada rajah-rajah serta mempunyai hubungan antara elemen-elemen yang disenaraikan. Pemilihan elemen-elemen ini ditentukan oleh pakar-pakar yang dipilih berdasarkan kepakaran masing-masing.

1.8.2 Pemikiran Kritis

John Dewey (1999) mendefinisikan sebagai satu pemikiran yang mempunyai objektif iaitu berfikir secara mendalam tentang sesuatu dengan memberi pertimbangan yang serius berdasarkan bukti dan rasional. Yusuf al-Qaradhawi (1996) mendefinisikannya sebagai akal atau pemikiran yang dapat menolak khurafat, taklid, jumud, hawa nafsu, emosi, keraguan, taasub dan dakyah. Berfikir dengan cara tersebut memerlukan dalil dan bukti sebagai sandaran. Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014), KPM mendefinisikan pemikiran kritis sebagai keupayaan untuk membuat menilai terhadap sesuatu pandangan dengan logik dan rasional bagi mendapat pertimbangan yang wajar dengan mendatangkan alasan dan bukti yang munasabah.

Pemikiran kritis merujuk kajian ini adalah keupayaan seseorang remaja untuk menilai sesuatu idea terhadap setiap maklumat yang diterima, mentafsir dan membuat pertimbangan sebelum membuat sesuatu keputusan dalam usaha